

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS, TAHUN 2021**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI MAHFUZ BIN HAJI OMAR  
[ POKOK SENA ]**

**TARIKH : 08 DISEMBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

**DATO' HAJI MAHFUZ BIN HAJI OMAR [ POKOK SENA ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah insentif kepada majikan untuk mengambil pekerja dari kalangan warganegara.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Kerajaan telah memperkenalkan pelbagai pakej untuk memastikan kesejahteraan rakyat dan juga kedudukan ekonomi dapat kembali pulih. Program Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) yang telah dilaksanakan sejak Jun 2020 bertujuan untuk merangsang permintaan pekerjaan di kalangan majikan dan meningkatkan peluang pekerjaan serta kebolehpekerjaan di kalangan pencari kerja tempatan.

Kerajaan telah menyediakan pelbagai insentif kepada majikan untuk mengambil pekerja dari kalangan warganegara. Antaranya, Program Penjana Kerjaya 3.0 yang telah bermula pada 15 Julai 2021 hingga 31 Disember 2021 bertujuan membantu peluang kerjaya menerusi 4 program seperti berikut:

- i. Program *Malaysianization* untuk menggalakkan majikan menggantikan pekerja asing dengan pekerja tempatan.

## SOALAN NO : 31

- ii. Dorongan kepada majikan untuk membuat pengambilan, kategori pekerja berusia 40 tahun ke atas, OKU dan bekas banduan.
- iii. Pengambilan pekerja berusia 40 tahun dan ke bawah.
- iv. Program Perantisan di kalangan lepasan sekolah dan graduan berumur 18 – 30 tahun.

Kerajaan juga dalam Bajet 2022 telah memperuntukkan sebanyak RM2 bilion kepada PERKESO untuk melaksanakan JaminKerja – Insentif Penggajian di bawah Sistem Insurans Pekerjaan yang dijangka akan memanfaatkan majikan melalui pengambilan seramai 300,000 pencari kerja dari seluruh negara.

Menerusi JaminKerja – Insentif Penggajian, para majikan yang menggajikan individu yang tidak aktif bekerja bakal menerima insentif sebanyak 20 peratus daripada gaji bulanan bagi tempoh enam (6) bulan pertama dan 30 peratus bagi 6 bulan berikutnya. Bagi golongan rentan pula, majikan layak menerima insentif sebanyak 30 peratus untuk 6 bulan pertama, sebelum dinaikkan kepada 40 peratus bagi 6 bulan berikutnya. Kadar insentif yang sama turut akan dipanjangkan bagi pengambilan pekerja golongan wanita yang telah mengganggur melebihi tempoh setahun, ibu tunggal dan suri rumah.